

17 AUG 1996

ENAM PROJEK DIMETERAI PADA KONVENSYEN HOKKIEN

LANGKAWI, 17 Ogos (Bernama) -- Enam projek usaha sama dimeterai di akhir Konvensyen dan Pameran Masyarakat Hokkien Sedunia di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini hari ini.

Enam syarikat Malaysia menandatangani perjanjian usaha sama dalam bidang pengeluaran alat kawalan elektronik, lif, kasut dan gas serta ternakan ikan dan ternakan lain, melibatkan pelaburan berjumlah US\$24 juta (RM60 juta).

Lebih daripada 2,500 peserta menghadiri konvensyen dua tahun sekali itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Kerk Choo Ting dalam ceramahnya mengenai: "Peluang Pelaburan di Malaysia" berkata bahawa Malaysia sentiasa mengamalkan pendekatan yang menggalakkan perniagaan dalam dasar pelaburannya.

"Malaysia memiliki garis panduan yang jelas bagi kemudahan pelabur. Kerajaan juga memberikan pelbagai bentuk insentif bagi menarik minat pelabur asing supaya melabur di negara ini," kata beliau kepada kalangan ahli perniagaan pada konvensyen itu.

Beliau berkata Malaysia turut membenarkan syarikat-syarikat asing untuk mengambil pekerja asing dalam beberapa bidang yang memerlukan kemahiran selain membenarkan pelabur membawa balik keuntungan mereka ke negara asal masing-masing.

Kerk berkata bahawa selain mengurangkan kadar cukai korporat kepada 30 peratus tahun lepas, kerajaan juga turut menawarkan taraf perintis atau pelepasan cukai pelaburan kepada syarikat-syarikat yang melabur dalam bidang yang digalakkan di negara ini.

Bagi menggalakkan indutri-industri disebar di seluruh negara, kerajaan telah mewujudkan Koridor Perindustrian Timur meliputi Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak, serta menawarkan insentif kewangan yang lebih tinggi bagi pelaburan di kawasan berkenaan.

Para perwakilan ke perhimpunan itu bersetuju untuk mengadakan konvensyen ketiganya di Wilayah Fujian, China. Konvensyen pertama diadakan di Los Angeles.

-- BERNAMA